



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 12 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	TETAP BELA NASIB 3,146 PESAWAH TERJEJAS BANJIR, HM -ONLINE 13,300 HEKTAR KAWASAN KADA TERJEJAS BANJIR, SH-ONLINE 13,300 HEKTAR KAWASAN KADA TERJEJAS BANJIR, MSN.COM-ONLINE MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS BANJIR – ZAWAWI, MALAYSIA GAZETTE-ONLINE MAFI PERTINGKAT KEUPAYAAN SEKTOR AGROMAKANAN, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	MARITIM TAHAN TIGA BOT MENANGGUK SIPUT SECARA HARAM DI PERLIS, SH-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

TETAP BELA NASIB 3,146 PESAWAH TERJEJAS BANJIR



PESAWAH melakukan semburan racun kimia bagi mencegah kerosakan tanaman padi ketika tinjauan di Kampung Alur Tuman hari ini. FOTO Bernama

Tumpat: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memberi jaminan untuk membela nasib 3,146 pesawah padi yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, setakat 8 Mac lalu, pihaknya menerima laporan kerugian keseluruhan yang dialami oleh pesawah padi adalah lebih RM56 juta, meliputi keluasan keseluruhan iaitu 13,326 hektar.

"Kerajaan amat prihatin dengan apa yang menimpa golongan sasaran ini dan sudah pasti MAFI akan melakukan sesuatu dalam usaha membela nasib petani terjejas teruk akibat banjir ini," katanya kepada pemberita selepas Program Road To Jubli Emas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata berdasarkan jumlah yang dilaporkan itu pasti akan memberikan impak besar terhadap petani kerana tanaman dan pendapatan mereka terjejas.

"Bagi negeri Kelantan misalnya, kerosakan jumlah padi paling tinggi dicatatkan adalah jajahan Pasir Mas iaitu melebihi RM19 juta, diikuti Bachok lebih RM14 juta dan Tumpat bernilai RM11 juta.

"Ketiadaan empangan di negeri Kelantan menyebabkan petani sering menghadapi masalah bekalan air selain faktor pengurangan kawasan jelapang yang disebabkan oleh pembangunan untuk komersial dan perumahan," katanya.

Disiarkan pada: Mac 12, 2022 @ 2:22pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

13,300 HEKTAR KAWASAN KADA TERJEJAS BANJIR

SITI FATIHAH AWANG | | 12 Mac 2022



Nik Muhamamd Zawawi ketika berucap pada Program Road To Jubli Emas KADA di Tumpat pada Sabtu.

TUMPAT - Sebanyak 13,300 hektar kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terjejas akibat banjir hujung Februari lalu melibatkan kerugian mencecah RM26.7 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan berusaha membantu petani yang terjejas teruk.

Nik Muhammad Zawawi turut dimaklumkan sebanyak 3,278 hektar bendang di Jajahan Tumpat terjejas teruk dengan anggaran kerugian mencecah RM6.6 juta.

"Keadaan ini sudah pasti akan memberi impak yang besar kepada selain menjejaskan pendapatan mereka," katanya ketika berucap pada Program Road To Jubli Emas KADA di Tumpat pada Sabtu.

Pada majlis sama seramai 20 golongan sasar yang terjejas teruk akibat banjir di Kelantan minggu lalu menerima sumbangan.

Nik Muhamamd Zawawi memberitahu, sawah seluas 26,833 dengan pendapatan tahunan berjumlah RM25,532.

menjadikan KADA jelapang kedua terbesar negara yang menyumbang kepada bekalan makanan negara.

"Walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran namun KADA perlu terus berdaya saing di peringkat global dan kita perlu pastikan nilai eksport bertambah.

"Saya difahamkan, masalah utama iaitu bekalan air kerana ketiadaan empangan dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani kemelut ini," katanya.

Tambah beliau, pengurangan kawasan jelapang disebabkan pembangunan untuk komersial dan perumahan juga menjadi faktor hasil padi KADA rendah tetapi itu tidak bermakna hasil pengeluaran tidak mampu ditingkatkan.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/192481/EDISI/13300-hektar-kawasan-KADA-terjejas-banjir>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2022	MSN.COM	ONLINE	

13,300 HEKTAR KAWASAN KADA TERJEJAS BANJIR

SITI FATIHAH AWANG | | 12 Mac 2022



Nik Muhamamd Zawawi ketika berucap pada Program Road To Jubli Emas KADA di Tumpat pada Sabtu.

TUMPAT - Sebanyak 13,300 hektar kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terjejas akibat banjir hujung Februari lalu melibatkan kerugian mencecah RM26.7 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan berusaha membantu petani yang terjejas teruk.

Nik Muhammad Zawawi turut dimaklumkan sebanyak 3,278 hektar bendang di Jajahan Tumpat terjejas teruk dengan anggaran kerugian mencecah RM6.6 juta.

"Keadaan ini sudah pasti akan memberi impak yang besar kepada selain menjejaskan pendapatan mereka," katanya ketika berucap pada Program Road To Jubli Emas KADA di Tumpat pada Sabtu.

Pada majlis sama seramai 20 golongan sasaran yang terjejas teruk akibat banjir di Kelantan minggu lalu menerima sumbangan.

Nik Muhamamd Zawawi memberitahu, sawah seluas 26,833 dengan pendapatan tahunan berjumlah RM25,532.

menjadikan KADA jelapang kedua terbesar negara yang menyumbang kepada bekalan makanan negara.

"Walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran namun KADA perlu terus berdaya saing di peringkat global dan kita perlu pastikan nilai eksport bertambah.

"Saya difahamkan, masalah utama iaitu bekalan air kerana ketiadaan empangan dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani kemelut ini," katanya.

Tambah beliau, pengurangan kawasan jelapang disebabkan pembangunan untuk komersial dan perumahan juga menjadi faktor hasil padi KADA rendah tetapi itu tidak bermakna hasil pengeluaran tidak mampu ditingkatkan.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/192481/EDISI/13300-hektar-kawasan-KADA-terjejas-banjir>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAFI JAMIN BELA NASIB 3,146 PESAWAH PADI TERJEJAS BANJIR – ZAWAWI

By Bernama - 12 March 2022



Foto HAZROL ZAINAL, 08 JUN 2020.

TUMPAT – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan untuk membela nasib 3,146 pesawah padi yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, setakat 8 Mac lalu, pihaknya menerima laporan mengenai kerugian keseluruhan yang dialami oleh pesawah padi adalah lebih RM56 juta meliputi keluasan keseluruhan iaitu 13,326 hektar.

“Kerajaan amat prihatin dengan apa yang menimpa golongan sasaran ini dan sudah pasti MAFI akan melakukan sesuatu dalam usaha membela nasib petani terjejas teruk akibat banjir ini,” katanya kepada pemberita selepas Program Road To Jubli Emas Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata, berdasarkan jumlah yang dilaporkan itu pasti akan memberikan impak besar terhadap petani kerana tanaman dan pendapatan mereka terjejas.

“Bagi negeri Kelantan misalnya, kerosakan jumlah padi paling tinggi dicatatkan adalah jajahan Pasir Mas iaitu melebihi RM19 juta, diikuti Bachok lebih RM14 juta dan Tumpat bernilai RM11 juta.

“Ketiadaan empangan di negeri Kelantan menyebabkan petani sering menghadapi masalah bekalan air selain faktor pengurangan kawasan jelapang yang disebabkan oleh pembangunan untuk komersial dan perumahan,” katanya. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MARITIM TAHAN TIGA BOT MENANGGUK SIPUT SECARA HARAM DI PERLIS

|| 12 Mac 2022



KUALA PERLIS - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Kuala Perlis menahan tiga bot fiber yang disyaki melakukan aktiviti menangguk siput retak seribu secara haram di perairan negeri ini petang Jumaat.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim, Mohd Hashim Mat Zain berkata, ketiga-tiga bot berkenaan ditahan sekitar jam 4 petang di beberapa lokasi berbeza selepas menerima aduan awam menerusi Pusat Operasi (PUSOP) Zon Maritim Kuala Perlis.

Menurutnya, kesemua enam suspek terdiri daripada tiga tekong dan tiga kru itu adalah warga tempatan berusia antara 21 hingga 47 tahun.

"Anggaran keseluruhan rampasan melibatkan tiga bot, enjin, sangkar besi dan siput retak yang bernilai RM19,800, namun hasil tangkapan mereka diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Katanya, siasatan awal mendapati modus operandi penangkapan siput retak seribu ini adalah menggunakan enjin sangkut bergaloh dan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 8(a) dan Seksyen 11(3)(c) kerana mengendalikan bot tanpa lesen sah serta memasang peralatan menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan.

Mohd Hashim berkata, penangkapan siput di perairan Kuala Perlis merupakan satu kesalahan memandangkan Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti berkenaan.

"Aktiviti ini boleh menyebabkan habitat ekosistem marin terjejas dalam jangka masa panjang, mengancam pembiakan dan memusnahkan benih-benih ikan di dasar laut.

"Rentetan aktiviti haram ini juga, nelayan pesisir pantai terpaksa menanggung kerugian apabila pukot mereka rosak dan koyak kerana tersangkut kulit siput yang telah mati," katanya menambah tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan komuniti nelayan yang ingin mengaut keuntungan segera, menjadi punca aktiviti ini masih berlaku.

Sebelum ini, Bernama melaporkan mengenai tindakan nelayan luar Perlis mencero boh perairan Kuala Perlis bagi mengaut hasil laut di sini sehingga menimbulkan keresahan nelayan setempat. - Bernama

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/192453/BERITA/Semasa/Maritim-tahan-tiga-bot-menangguk-siput-secara-haram-di-Perlis>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf